

# MPKS wujudkan sistem bayaran pintar

By Mohd Zaini Samsu Hadi - 6 September 2021



Rahilah Rahmat

KUALA LUMPUR – Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) mewujudkan sistem pembayaran pintar bagi memudahkan urusan penduduk setempat.

Yang Dipertua MPKS, Rahilah Rahmat berkata, sistem yang dinamakan IP3KS membolehkan penduduk menyemak dan membayar beberapa jenis perkhidmatan secara dalam talian.

Katanya, kemudahan itu termasuk menyemak dan cukai taksiran, kompaun, tempahan dewan, permohonan dan pembaharuan lesen serta pembelian dokumen tender.

"Sejak agenda pendigitalan Kerajaan Negeri, MPKS sebagai salah satu agensi kerajaan mengambil peluang menjadikan platform digital untuk mewujudkan jalinan perkhidmatan yang mesra dan mudah kepada pengguna," katanya menerusi kenyataan.

Jelasnya, MPKS menggunakan internet berkelajuan tinggi 1 Gigabit sesaat melalui rangkaian Jaringan Gigabit Selangor untuk tujuan itu.

Katanya lagi, inisiatif tersebut akan diteruskan selaras pendigitalan lestari dan mampu mengikut pelan strategik pentadbiran Setiausaha Kerajaan Selangor, MPKS 2021-2025 serta Teknologi Komunikasi Maklumat 2021-2025 yang masih dalam perancangan.

Tambahnya, inisiatif itu sejajar dengan empat teras utama pendigitalan laitum pemantapan infrastruktur secara inklusif dan bersepadu, pengukuhan infratruktur pendigitalan stabil dan mampu, pemerksaan persekitaran pendigitalan pentadbiran negeri dan pengukuhan kepakaran dan kepimpinan pendigitalan pentadbiran negeri. –

MalaysiaGazette

ADVERTISEMENT

maxis | jendela

Jangan biarkan mereka ketinggalan.

Daftarkan mereka untuk nikmati rangkaian 4G sekarang.

Ketahu Lebih Lanjut

## Artikel Popular



- Amirudin perlu letak jawatan, cemari nama baik Raja-Raja Melayu  
7 September 2021
- Kerani pecah amanah, pindah wang syarikat RM4 juta ke akaun sendiri  
7 September 2021

Penggembala Lembu Dituduh Bunuh Kerani Penggembala

- 1MDB hadapi kesukaran proses audit kerana beberapa dokumen dirampas polis  
7 September 2021
- Amirudin perlu letak jawatan, cemari nama baik Raja-Raja Melayu  
7 September 2021